



**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
(Ministry Of Science, Technology and Innovation)
Batu 24, Jalan Dengkil,
43800, Dengkil, Selangor**



9 November 2017
Notis Pemberitahuan AELB
Bil. 04/2017

KADAR BAYARAN BAHARU BAGI BUKU PEMERIKSAAN PERUBATAN LPTA/BM/5 (SEKSYEN A)

TUJUAN

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini adalah untuk memaklumkan mengenai kadar bayaran baharu bagi Buku Pemeriksaan Perubatan LPTA/BM/5 (Seksyen A).

LATAR BELAKANG

2. Merujuk kepada subseksyen 25(2)(d) Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304), pihak berkuasa berkenaan¹ boleh menghendaki pemegang lesen menyediakan pemeriksaan perubatan ke atas pekerja² oleh pengamal perubatan berdaftar. Berdasarkan peraturan 39(3), Peraturan-peraturan Perlesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010, majikan hendaklah menyimpan rekod perubatan bagi seseorang pekerja dalam bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa.

3. Bagi tujuan keseragaman rekod perubatan pekerja, AELB telah mengeluarkan Buku Pemeriksaan Perubatan LPTA/BM/5 (Seksyen A). Buku ini boleh dibeli pada kadar harga RM5.50 dan caj bayaran pos adalah RM6.00 bagi pembelian 1 hingga 10 unit buku.

¹ pihak berkuasa berkenaan" dalam konteks notis ini adalah Lembaga Perlesenan Tenaga Atom.

² "pekerja" ertinya mana-mana orang yang bekerja di bawah arahan pemegang lesen, sama ada atau tidak dia diambil kerja oleh pemegang lesen itu, dalam pengendalian atau penggunaan, atau yang akan bersentuhan dengan mana-mana bahan radioaktif, bahan nuklear, benda yang ditetapkan atau radas penyinaran.

4. Walau bagaimanapun, dengan mengambilkira peningkatan kos semasa antaranya peningkatan kos disebabkan caj GST sebanyak 6%, peningkatan kos bahan cetakan, kos tenaga kerja dan kos pengeposan, maka kadar bayaran bagi Buku Pemeriksaan Perubatan ini telah disemak semula.

KEPUTUSAN DAN ARAHAN AELB

5. Kadar bayaran baharu bagi Buku Pemeriksaan Perubatan LPTA/BM/5 (Seksyen A) adalah **RM10.00** sebuah. Kadar caj bagi bayaran pos untuk pembelian buku ini ditetapkan seperti berikut:

- (a) **1 - 5** buah buku = **RM6.00**
- (b) **6 - 10** buah buku = **RM10.00**

6. Sehubungan itu, pembelian dan pengeposan Buku Pemeriksaan Perubatan LPTA/BM/5 (Seksyen A) adalah tertakluk kepada kadar bayaran yang dinyatakan dalam perkara 5.

PENGUATKUASAAN ARAHAN

7. Kadar bayaran ini berkuatkuasa mulai **01 November 2017**.

PENUTUP

8. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan AELB menggunakan alamat di bawah.

Pengarah Bahagian Dasar dan Hubungan Luar

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Batu 24, Jalan Dengkil
43800 Dengkil, Selangor
No. Tel : +603-8922 5888
E-mel : mnr-customer@aelb.gov.my

No. Faks : +603-8922 3685
Laman Web : www.aelb.gov.my